

Noh Serahkan Kedudukannya Pada PM
mStar Online
Disember 8, 2011

PETALING JAYA: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata, beliau menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menentukan sama ada akan terus dipilih untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-13 (PRU-13).

Beliau sendiri tidak tahu sama ada akan dicalonkan semula untuk mempertahankan kerusi Parlimen Tanjong Karang yang disandangnya pada pilihan raya umum nanti.

"Tak tahu... semua tak tahu... itu semua terpulang kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak). Siapa pun tak boleh jangka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Ceramah sambilan Makan Tengah Hari anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia di sini.

Majlis itu disertai ketua-ketua pegawai eksekutif daripada enam sektor utama industri syarikat Multi National Company (MNC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) peringkat negeri Selangor meliputi sektor elektronik, automotif, pengangkutan dan logistik, percetakan, makanan serta pertanian dan perladangan.

Ia bertujuan mewujudkan jalinan kerjasama di antara industri bagi mencapai keperluan tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan 12 Bidang Keberhasilan Utama Negara dan Program Transformasi Ekonomi di sesebuah negeri.

Ditanya sama ada beliau mempunyai senarai nama bakal calon untuk diketengahkan, Noh berkata, perkara itu diserahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri selaku Pengerusi Perhubungan Umno Selangor.

"Saya telah berulang kali buat kenyataan yang semua orang kena terima hakikat bahawa apabila Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan semua orang sudah hilang jawatan wakil rakyat dan apabila ini berlaku, kuasa untuk memilih bakal calon ialah di tangan Perdana Menteri," katanya.

Sehubungan itu Noh yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Selangor menasihati mereka yang tidak terpilih sebagai calon serta mereka yang tidak terpilih mempertahankan kerusi agar berpegang kepada prinsip "kerja sebagaimana kita ingin orang lain bekerja untuk kita."

Beliau berkata, jika itu dapat dijadikan pegangan maka usaha untuk merampas semula negeri yang kini dikuasai pembangkang termasuk Selangor akan menjadi lebih mudah.

"Jadi, prinsipnya ialah jika yang dulu (bekas calon) tidak terpilih semula, mereka kena berikan sokongan kepada calon baru.

"Kalau dulu waktu dia bertanding dia perlukan orang untuk sokong, tidak mahu orang sabotaj, jadi jika orang baru bertanding, maka dia juga mesti mengelak daripada mensabotaj dan perlu memberikan sokongan yang penuh sebagai mana yang beliau

harapkan semasa dia bertanding dulu," katanya sebagai mengulas mengenai keupayaan Umno menguasai semula Selangor yang sering diperlekeh pakatan pembangkang.

Noh berkata, mereka yang tidak dicalonkan semula oleh perdana menteri perlu menerima dengan hati terbuka kerana beliau yakin Najib selaku presiden Umno tentu mempunyai sebab tersendiri untuk memilih calon berkenaan.

"Kalau prinsip ini dapat dipegang, maka saya ingat kita boleh terima calon itu. Bagaimanapun (dalam memilih calon) perdana menteri ada menyebut bahawa beliau juga akan berunding dengan pimpinan di peringkat bahagian," katanya lagi.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/12/8/mstar_berita/20111208114031&sec=mstar_berita